

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN YANG KE-13**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM**  
**(JULAU)**  
**TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 138**

**SOALAN :** Minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa ada pihak-pihak yang mengatakan dalam usaha kerajaan membangunkan perpaduan nasional dengan tidak sengaja usaha tersebut menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan beberapa kaum di Malaysia. Apakah langkah proaktif kerajaan mengatasi perkara tersebut.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan sememangnya sedar bahawa usaha untuk meningkatkan perpaduan nasional dan keharmonian masyarakat bukan satu usaha yang mudah kerana ia adalah satu tanggungjawab bersama oleh semua pihak. Oleh itu, Kerajaan secara berterusan memperkenalkan polisi dan dasar yang mengambilkira kepentingan semua rakyat Malaysia agar tidak ada

pihak yang dipinggirkan dalam mengejar arus pembangunan dan kemajuan. Namun, dalam pelaksanaan polisi dan dasar tersebut, kemungkinan terdapat ketirisan, penyalahgunaan kuasa dan permasalahan integriti yang menyebabkan sesuatu kaum berasa tidak puas hati apabila mereka tidak dapat menikmati manfaat sepenuhnya seperti kaum-kaum lain.

Untuk mengelakkan daripada keadaan negatif seperti ini terus berlaku, Kerajaan merancang pendekatan proaktif dalam pelaksanaan program-program dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek berikut:

a) **Aspek Perancangan**

Memastikan semua inisiatif dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan mengambil kira kepentingan kaum-kaum di Malaysia dan dilaksanakan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Dasar-Dasar Kerajaan sedia ada dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dengan fokus kepada memenuhi keperluan, merit, ketelusan, persaingan yang sihat dan melakukan penjajaran (*realignment*) jika perlu, agar keperluan rakyat dapat dipenuhi.

b) **Aspek Pelaksanaan**

Melaksana dan menyelaraskan dasar dan inisiatif seperti di persetujui Kerajaan dan berupaya mentransformasikan program-program perpaduan untuk mempertingkatkan perpaduan kaum serta integrasi nasional. Namun, apa yang paling utama ialah bagaimana penglibatan rakyat pelbagai kaum dapat mengaplikasi apa yang

diperolehi dan dipelajari daripada program-program perpaduan tersebut.

c) **Aspek Pemantauan**

Memantau dan memastikan program-program perpaduan dan penyertaan kaum adalah signifikan di dalam semua inisiatif yang disediakan melalui agensi-agensi Kerajaan di dalam bidang-bidang yang berupaya meningkatkan dan memperkukuhkan perpaduan.

d) **Aspek Pelaporan**

Melapor pencapaian petunjuk prestasi utama inisiatif disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan kepada agensi pusat atau Mesyuarat Jemaah Menteri agar kepincangan yang berlaku seperti luahan ketidakpuasan hati rakyat dapat ditangani segera oleh Kerajaan melalui pendampingan (*engagement*) yang kerap oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

e) **Aspek Penilaian**

Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri sentiasa mengumpul input dari pelbagai kelompok pemegang taruh, termasuklah agensi-agens kerajaan, sektor swasta dan NGO bagi membolehkannya menilai keberkesanan dasar dan inisiatif, serta melakukan penerokaan inisiatif baru terhadap program-program yang memberi manfaat kepada rakyat. Maklum balas yang diperolehi amat penting bagi membolehkan Kerajaan mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatifnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa adalah amat sukar untuk memuaskan hati semua pihak secara kolektif melalui polisi dan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan kerana tentunya ada pihak yang tidak berpuashati memandangkan tahap kepuasan antara manusia adalah berbeza antara satu sama lain. Tetapi Kerajaan sentiasa bersedia mendengar luahan hati rakyat melalui sesi pendampingan yang diadakan agar suara hati dan keluhan rakyat dapat diketengahkan agar dapat mencari jalan penyelesaiannya secara positif.

Sekian, terima kasih.